



**CUKAI PERKHIDMATAN 2018**

**PANDUAN:  
PERKHIDMATAN RUANG  
LETAK KENDERAAN**

**Diterbitkan oleh :**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri  
Putrajaya**

**29 Februari 2024**

## **Penerbitan**

Tarikh: 29 Februari 2024.

Panduan Perkhidmatan Ruang Letak Kenderaan pada 10 Januari 2022 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Ruang Letak Kenderaan yang dikemaskini pada 29 Februari 2024.

## **Notis Hakcipta**

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## KANDUNGAN

<b>Pengenalan .....</b>	<b>1</b>
<b>Terminologi.....</b>	<b>1</b>
<b>Pengenalan dan Skop Cukai .....</b>	<b>2</b>
<b>Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan.....</b>	<b>2</b>
<b>Operasi Umum Industri.....</b>	<b>3</b>
<b>Skop Perkhidmatan Penyediaan Ruang Letak Kenderaan .....</b>	<b>3</b>
<b>Layanan Cukai Perkhidmatan Untuk Perkhidmatan Ruang Letak Kenderaan .....</b>	<b>4</b>
<b>Perakaunan Cukai Perkhidmatan.....</b>	<b>5</b>
<b>Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang Berdaftar.....</b>	<b>6</b>
<b>Soalan-Soalan Lazim.....</b>	<b>7</b>
<b>Pertanyaan.....</b>	<b>11</b>
<b>Bantuan Selanjutnya dan Informasi Berkaitan SST.....</b>	<b>11</b>

## PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar".
4. Panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan.

## TERMINOLOGI

5. Bagi maksud panduan ini:
  - a) **"Kenderaan"** bermaksud suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak (*Seksyen 2, Akta Pengangkutan Jalan 1987*);
  - b) **"Kenderaan bermotor"** bermaksud kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler (*Seksyen 2, Akta Pengangkutan Jalan 1987*);
  - c) **"Operator"** bermaksud entiti individu / perniagaan yang memiliki, menyediakan atau mengendalikan ruang letak kenderaan bagi kenderaan bermotor

- d) **"Ruang letak kenderaan"** bermaksud tempat, kawasan khas, lot atau petak yang disediakan sebagai ruang untuk meletakkan kenderaan bermotor;
- e) **"Kawasan Khas"** (KK) bermaksud sebarang zon bebas, gudang berlesen di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 (AK1967) dan gudang pengilangan berlesen di bawah seksyen 65A (AK1967) dan kawasan pembangunan bersama (KPB), Pengkalan Bekalan Petroleum (*Seksyen 77b, AK1967*). (*Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*);
- f) **"Kawasan Ditetapkan"** (KD) bermaksud Labuan, Langkawi, Pangkor dan Tioman. (*Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*).

## **PENGENAAN DAN SKOP CUKAI**

6. Berkuatkuasa 1 September 2018, mana-mana orang, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) atau badan berkanun yang mengendalikan atau menyediakan ruang letak kenderaan berbayar bagi kenderaan bermotor adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah butiran 4, ruang (1), kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

## **PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN**

7. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

8. Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan di ruang dua (2), kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 untuk orang kena cukai penyedia perkhidmatan ruang letak kenderaan adalah kekal tertakluk kepada kadar cukai perkhidmatan pada kadar cukai 6% kuat kuasa mulai 1 Mac 2024.
9. Layanan peralihan perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan.**

## **OPERASI UMUM INDUSTRI**

### **Skop Perkhidmatan Penyediaan Ruang Letak Kenderaan**

10. Ruang Letak Kenderaan (RLK) terdiri daripada dua (2) kategori iaitu:
- a) RLK pinggir jalan (*on-street parking*)  
  
Didefinisikan sebagai RLK yang disediakan di pinggir jalan. RLK Pinggir Jalan menggunakan sebahagian daripada jalan untuk parkir kereta dan kenderaan lain dalam rizab jalan tersebut (ROW). RLK Pinggir Jalan boleh berada di bahagian rizab jalan sama ada berturap atau tidak dan perlu ditandakan dengan jelas dan dikawal selia oleh pihak berkuasa.
  - b) RLK luar jalan (*off-street parking*)  
  
Didefinisikan sebagai RLK selain di pinggir jalan sama ada ianya boleh di dalam bangunan atau di suatu tapak khusus.
11. Sistem Pembayaran RLK termasuk menggunakan sistem meter tunggal atau meter berpusat, tiket / kupon atau penggunaan kad pintar.
12. Kaedah pembayaran adalah bergantung kepada pengendali RLK boleh terbahagi kepada empat (4) kaedah berikut:

a) Bayar ketika masuk -

Bayaran adalah mengikut kadar tetap dan dibayar di mesin, kiosk bayaran setiap kali ketika masuk atau secara bulanan.

b) Bayar sebelum keluar -

Tiket diambil semasa masuk RLK dan bayaran dijelaskan sebelum keluar sama ada di mesin atau kaunter bayaran mengikut tempoh masa dan kadar yang ditetapkan.

c) Bayar ketika keluar -

Tiket diambil semasa masuk dengan bayaran dijelaskan ketika hendak keluar di pondok bayaran di *gate* keluar.

d) Bayar melalui kemudahan teknologi terkini (aplikasi telefon pintar) -

Bayaran RLK secara dalam talian melalui aplikasi telefon pintar atau mana-mana platform teknologi terkini.

13. Kadar bayaran RLK adalah secara percuma atau dikenakan caj atau kadar bayaran mengikut jam/harian/sewaan bulanan.

## **LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERKHIDMATAN RUANG LETAK KENDERAAN**

14. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan perkhidmatan RLK bermotor berbayar dianggap menjalankan perkhidmatan bercukai.

15. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan bagi semua kaedah bayaran RLK seperti melalui *Touch N' Go* (TnG), mesin *auto-pay*, parkirbermeter, kupon, *mobile-pay* dan lain-lain.

16. Perkhidmatan bercukai termasuk perkhidmatan *jockey* yang disediakan untuk RLK valet. Cukai perkhidmatan tersebut hanya dikenakan sekiranya perkhidmatan RLK dikenakan bayaran oleh penyedia RLK.

17. Perkhidmatan yang disediakan oleh operator tetapi tidak termasuk dalam perkhidmatan RLK adalah seperti di bawah:

- a) sewaan sebahagian ruang letak kenderaan kepada operator tempat letak kenderaan valet;
- b) caj pengeluaran kad parking;
- c) caj menyediakan papan tanda "*reserved*", no plat kereta atau bar keluli untuk tempat letak kenderaan yang dikhaskan;
- d) caj pengurusan untuk mengaktifkan semula pas musim yang disekat;
- e) penalti penggantian kad yang hilang.

18. Perkhidmatan RLK bagi kenderaan bermotor di dalam kawasan yang ditetapkan (KD) tidak dikenakan cukai perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan oleh operator yang perniagaan utamanya berada di KD.

#### **PERAKAUNAN CUKAI PERKHIDMATAN**

19. Operator RLK yang tidak dapat mengeluarkan invois seperti yang ditetapkan dibawah seksyen 21 ACP 2018, dibenarkan untuk membuat permohonan secara bertulis sekiranya:

- a) tidak dapat menunjukkan kesemua butiran yang disenaraikan di bawah Peraturan 10(1), Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; atau
- b) tidak dapat mengeluarkan invois kepada pelanggan seperti yang dinyatakan di bawah subseksyen 21(1a), Akta Cukai Perkhidmatan 2018.



20. Bagi pembayaran RLK yang menggunakan mesin atau alat yang dikendalikan dengan syiling, token atau seumpamanya, cukai perkhidmatan menjadi genap masa dan hendaklah diakaunkan pada hari syiling, token atau seumpamanya itu dipungut daripada mesin atau alat yang dikendalikan tersebut.

## **PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR**

21. Operator yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

22. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- a) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- b) mengeluarkan inuis dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- c) mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- d) menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**

## SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **S : Adakah layanan perkhidmatan ruang letak kenderaan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Perkhidmatan ruang letak kenderaan adalah merupakan perkhidmatan bercukai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya bayaran dikenakan oleh pengendali ruang letak kenderaan.

2. **S : Siapakah pengendali ruang meletak kenderaan yang perlu berdaftar di bawah cukai perkhidmatan?**

J : Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan perkhidmatan ruang letak kenderaan yang mana nilai ambang tahunannya melebihi RM500,000.

3. **S : Sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak melebihi nilai ambang, bolehkah saya memohon untuk berdaftar?**

J : Ya. Anda boleh mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah secara sukarela.

4. **S : Adakah ruang letak kenderaan berbayar di bangunan komersil / kediaman tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, ruang letak kenderaan berbayar di bangunan komersil / kediaman adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. **S : Bagaimana sekiranya ruang letak kenderaan di bangunan kediaman / komersial dijual, apakah layanan cukai perkhidmatan ke atasnya?**

J : Penjualan ruang letak kenderaan di bangunan kediaman / komersial adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. **S : Bagaimana pula dengan bas, lori dan mana-mana kenderaan yang serupa dengannya?**

J : Bas, lori dan kenderaan yang serupa dengannya adalah dikategorikan sebagai kenderaan bermotor. Oleh itu, perkhidmatan penyediaan

ruang letak kenderaan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya penyedia mengenakan caj.

7. **S : Apakah layanan bagi perkhidmatan ruang letak kenderaan yang menggunakan Touch N' Go?**

J : Perkhidmatan ruang letak kenderaan yang menggunakan kaedah pembayaran Touch N' Go adalah tertakluk pada cukai perkhidmatan.

8. **S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas ruang letak kenderaan yang menggunakan pembayaran *auto-pay*?**

J : Perkhidmatan ruang letak kenderaan yang menggunakan kaedah *auto-pay* adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

9. **S : Adakah caj ruang letak kenderaan yang dikenakan oleh PBT tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, caj ruang letak kenderaan yang dikenakan oleh PBT adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

10. **S : Adakah PBT perlu berdaftar di bawah cukai perkhidmatan?**


J : Ya. PBT atau mana-mana Badan Berkanun yang mengendalikan perkhidmatan ruang letak kenderaan yang mana ruang letak kenderaan tersebut dikenakan bayaran perlu berdaftar sekiranya nilai semua perkhidmatan bercukainya melebihi nilai ambang.

11. **S : Syarikat AB telah diberikan hak untuk mengendalikan, menyelenggara dan mengoperasikan tempat letak kenderaan oleh PBT.**

**(a) Syarikat AB telah mengenakan bayaran ke atas pengendalian penyelenggaraan dan operasi tersebut kepada PBT.**

**(b) PBT sebagai operator ruang letak kenderaan, mengenakan caj ruang letak kenderaan kepada pelanggan.**

**Apakah layanan cukai perkhidmatan untuk senario ini?**



**Rajah 1**

- J : (a) Caj yang dikenakan oleh Syarikat AB kepada PBT tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan ruang letak kenderaan tetapi ianya tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah butiran (vii) perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta, Butiran (i), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
- (b) Caj yang dikenakan oleh PBT kepada pelanggan tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan ruang letak kenderaan.
12. **S** : **Perkhidmatan bercukai untuk penyediaan makanan dan minuman bagi Restoran MummyZ adalah RM 1,100,000.00 setahun. Walau bagaimanapun, Restoran MummyZ juga menyediakan perkhidmatan ruang letak kenderaan dan nilainya adalah RM 400,000.00. Adakah Restoran MummyZ perlu berdaftar di bawah cukai perkhidmatan?**
- J : Ya. Restoran MummyZ perlu berdaftar di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kerana perkhidmatan bercukainya melebihi nilai ambang yang ditetapkan.
13. **S** : **Berhubung dengan soalan 12, sekiranya tiada caj dikenakan untuk perkhidmatan ruang letak kenderaan, adakah Restoran MummyZ perlu berdaftar?**
- J : Tidak. Restoran MummyZ tidak perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

14. **S** : Syarikat MHK adalah sebuah syarikat yang merupakan pengendali RLK. Jumlah perkhidmatan tahunannya adalah RM 400,000 dan pada masa yang sama Syarikat MHK juga menyediakan penyediaan makanan dan minuman. Jumlah penyediaan makanan dan minuman tahunannya adalah RM 150,000.00. Adakah Syarikat MHK perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018?

J : Tidak perlu kerana nilai perkhidmatan bercukai bagi penyediaan perkhidmatan RLK tidak mencapai nilai ambang yang ditetapkan.

15. **S** : Sebuah syarikat telah menyewakan sebuah lot ruang letak kenderaan bagi tempoh bermula Januari 2018 hingga Disember 2018. Pembayaran telah dibuat pada Februari 2018 bagi sepanjang tempoh penyewaan. Apakah layanan cukai ke atas sewaan ruang letak kenderaan ini?

J : Memandangkan pembayaran telah dibuat pada Februari 2018 maka GST 6% hendaklah dikenakan.

16. **S** : Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) telah melantik ejen penjualan buku kupon letak kenderaan. Harga penjualan sebuah buku kupon kepada ejen adalah RM5.50. Ejen akan menjual buku kupon tersebut kepada pelanggan ruang letak kenderaan pada harga RM6.00. Berapakah nilai perkhidmatan bercukai ruang letak kenderaan yang disediakan oleh MDPP ?

J : Nilai perkhidmatan bercukai RLK yang disediakan oleh MDPP adalah RM6.00.

17. **S** : Syarikat Zhafran Sdn.Bhd merupakan operator ruang letak kenderaan dan telah memohon pendaftaran di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 pada Februari 2024. Bermula 1 Mac 2024, Syarikat Zhafran Sdn.Bhd perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan RLK yang disediakan. Apakah kadar cukai perkhidmatan yang perlu dikenakan kepada pelanggan?

J : Bermula 1 Mac 2024, kadar cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan RLK adalah kekal pada kadar 6%.

## **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dengan:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)  
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Aras 6, Tower A, Suasana PjH  
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2  
62100 Putrajaya.

## **BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST**

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam:
  - Hotline : 1-300-888-500
  - Fax : 03-8882 2100 / 2300 / 2500
  - Email : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)